

ISLAMIC LOGIC (MANTIQ) AS A FRAMEWORK FOR CRITICAL THINKING IN THE TEACHING OF ISLAMIC AKIDAH AT SECONDARY SCHOOLS: AN ANALYSIS OF CURRICULUM STANDARDS (DSKP) AND TEXTBOOKS

ILMU MANTIQ SEBAGAI KERANGKA PEMIKIRAN KRITIS DALAM PENGAJARAN AKIDAH ISLAMIAH DI SEKOLAH MENENGAH: ANALISIS DSKP DAN BUKU TEKS

Nurzahidah Jaapariⁱ, Siti Aminah Tarⁱⁱ & Asma' Arshadⁱⁱⁱ

- ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA. nurzah888@uitm.edu.my
ⁱⁱ Calon pelajar pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA. aminah@basis.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA. asmaa1640@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 15 June 2026

Revised: 8 July 2026

Accepted: 30 July 2026

Abstract	<i>This study analyses critical-thinking demands in the Islamic Aqidah component of Form Four and Form Five Islamic Education and examines the potential of Islamic logic (mantiq) as a framework for structuring the reasoning processes required in its teaching. A qualitative content-analysis design was employed, focusing on the Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP) and the Form Four and Form Five Islamic Education textbooks, limited to the Aqidah component. Academic literature on critical thinking, Islamic Education and mantiq was used to support interpretation. The units of analysis included learning standards, performance standards, lesson content, learning activities, cognitive verbs and textual demands for reasoning and argumentation. The findings show that the DSKP and textbooks already provide clear space for critical thinking through demands such as applying, analysing, evaluating, formulating conclusions, relating concepts to life, comparing positions and providing justification. However, these documents primarily specify expected cognitive outcomes and learning activities rather than an explicit reasoning framework that systematically guides students from concept formation to truth evaluation, the use of evidence, argument construction and conclusion. In this context, the functions of tasawwur, tasdiq and istidlal demonstrate a meaningful correspondence with these reasoning demands. The study therefore proposes mantiq not as a replacement for Higher Order Thinking Skills (HOTS), but as a complementary reasoning framework rooted in the Islamic intellectual tradition that has the potential to make critical thinking in Aqidah teaching more systematic, evidence-based and epistemologically coherent. Further empirical research is required to evaluate its effectiveness in classroom practice.</i> Keywords: Aqidah, Education, Textbooks, Mantiq, Teaching.
Abstrak	<i>Kajian ini menganalisis tuntutan pemikiran kritis dalam bidang Akidah Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 serta menilai potensi ilmu</i>

	<i>mantiq sebagai kerangka yang dapat menyusun proses penaakulan dalam pengajaran Akidah Islamiah. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan terhadap Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) serta buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, dengan analisis yang dihadkan kepada bidang akidah sahaja. Literatur akademik berkaitan pemikiran kritis, Pendidikan Islam dan ilmu mantiq digunakan sebagai sokongan interpretasi. Unit analisis meliputi Standard Pembelajaran, Standard Prestasi, kandungan pelajaran, aktiviti pembelajaran, kata kerja kognitif serta tuntutan penaakulan dan penghujahan yang dapat dikenal pasti secara tekstual. Dapatan menunjukkan bahawa DSKP dan buku teks telah menyediakan ruang yang jelas bagi pemikiran kritis melalui tuntutan mengaplikasi, menganalisis, menilai, merumus, menghubungkan kait, membandingkan dan memberikan justifikasi. Walau bagaimanapun, dokumen tersebut lebih banyak menetapkan hasil kognitif dan bentuk aktiviti yang perlu dicapai berbanding menyediakan kerangka penaakulan yang secara eksplisit membimbing murid daripada pembentukan konsep kepada penilaian kebenaran, penggunaan dalil, pembinaan hujah dan penghasilan kesimpulan. Dalam konteks ini, fungsi tasawwur, tasdiq dan istidlal menunjukkan kesepadanan yang bermakna dengan tuntutan penaakulan tersebut. Oleh itu, kajian ini mencadangkan ilmu mantiq bukan sebagai pengganti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), tetapi sebagai kerangka penaakulan pelengkap berasaskan tradisi intelektual Islam yang berpotensi menjadikan penerapan pemikiran kritis dalam pengajaran Akidah lebih tersusun, berasaskan dalil dan selaras dengan epistemologi Islam. Kajian empirikal lanjutan diperlukan untuk menilai keberkesanan kerangka ini dalam amalan bilik darjah.</i> Kata kunci: Akidah, Pendidikan, Buku Teks, Mantiq, Pengajaran.
--	--

PENDAHULUAN

Pemikiran kritis merupakan antara kemahiran yang ditekankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dalam kerangka KSSM, pembangunan murid disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, manakala Pendidikan Islam digubal untuk membentuk murid yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak serta mampu menghayati ajaran Islam dalam kehidupan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 turut meletakkan kemahiran berfikir sebagai salah satu aspirasi murid.

Oleh itu, pemikiran kritis dalam Pendidikan Islam perlu difahami bukan sekadar sebagai keupayaan menjawab soalan aras tinggi, tetapi sebagai keupayaan memahami maklumat, membuat pertimbangan, menilai alasan dan merumus berdasarkan asas ilmu yang sahih (KPM, 2018). Dalam Pendidikan Islam, keperluan tersebut mempunyai kepentingan khusus dalam bidang Akidah kerana kandungannya melibatkan pembentukan kefahaman terhadap konsep keimanan, penggunaan dalil, penilaian terhadap pegangan serta hubungan antara kepercayaan dengan kehidupan.

Kajian terdahulu tentang pemikiran kritis dalam Pendidikan Islam menunjukkan bahawa kemahiran ini berkaitan dengan kefahaman mendalam, penilaian yang sesuai dan pembinaan pertimbangan berasaskan epistemologi Islam (Dahari et al., 2019). Kajian terhadap silibus Pendidikan Islam juga menunjukkan bahawa unsur menganalisis, mensintesis dan menilai mempunyai tempat dalam pembelajaran Pendidikan Islam (Mohd Fauzi Hamat et al., 2007).

Walaupun bagaimanapun, artikel ini bukanlah andaian bahawa pengajaran Akidah di sekolah menengah bersifat hafalan atau tidak kritis. Dakwaan tentang amalan sebenar guru memerlukan bukti lapangan seperti pemerhatian, temu bual atau analisis pentaksiran. Sebaliknya, persoalan yang diteliti ialah sama ada dokumen kurikulum dan buku teks Akidah telah menyediakan tuntutan pemikiran kritis, bagaimana tuntutan tersebut

dinyatakan, dan sama ada terdapat ruang untuk satu kerangka penaakulan yang lebih sistematik bagi membantu menyusun proses berfikir murid.

Persoalan ini penting kerana kewujudan kata kerja aras tinggi dalam kurikulum tidak semestinya menerangkan langkah penaakulan yang perlu dilalui oleh murid. Arahan seperti menganalisis, menilai, membandingkan, memberikan pandangan dan merumus menerangkan hasil kognitif yang diharapkan, tetapi guru masih memerlukan cara untuk menyusun proses daripada memahami konsep, menilai sesuatu dakwaan, menggunakan bukti atau dalil, sehingga menghasilkan kesimpulan yang tertib. Perbezaan antara hasil kognitif dan proses penaakulan inilah yang menjadi fokus utama artikel ini.

Dalam tradisi keilmuan Islam, ilmu mantiq dibincangkan sebagai ilmu alat yang berkaitan dengan ketepatan dan keteraturan berfikir. Literatur tentang kedudukan mantiq dalam pemikiran Islam menunjukkan bahawa disiplin ini digunakan dalam pelbagai bidang ilmu Islam dan mempunyai fungsi dalam mempertahankan pegangan serta menyusun penghujahan (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2020).

Pada aras asas, perbincangan mantiq mengenai *tasawwur*, *tasdiq* dan *istidlal* menyediakan urutan konseptual yang relevan dengan proses memahami sesuatu konsep, menetapkan atau menilai sesuatu pernyataan, dan menghasilkan kesimpulan melalui dalil atau hujah (Nayif bin Nahar, 2016).

Berdasarkan fungsi tersebut, artikel ini memberi tumpuan kepada tiga komponen asas mantiq, iaitu *tasawwur*, *tasdiq* dan *istidlal*. Pemilihan tiga komponen ini dibuat kerana hubungannya paling selari dengan bukti tekstual yang ditemui dalam DSKP dan buku teks bahagian Akidah: a) pembentukan kefahaman konsep, b) penilaian atau pengesahan sesuatu pernyataan berasaskan dalil, c) serta penyusunan alasan menuju kesimpulan. Fokus ini juga mengelakkan artikel daripada memasukkan terlalu banyak istilah mantiq yang tidak dianalisis secara terus dalam dokumen kurikulum.

Justeru, jurang yang dibincangkan dalam artikel ini bukanlah ketiadaan KBAT dalam Pendidikan Islam, tetapi ketiadaan satu kerangka khusus yang dinyatakan secara jelas dalam dokumen yang dianalisis untuk menyusun proses penaakulan tersebut. DSKP dan buku teks mungkin telah menyediakan tuntutan dan aktiviti pemikiran kritis; persoalannya ialah bagaimana ilmu mantiq boleh berfungsi sebagai kerangka pelengkap yang menerangkan urutan proses berfikir secara lebih tersusun dan selari dengan tradisi intelektual Islam.

Berdasarkan jurang tersebut, artikel ini bertujuan menganalisis bentuk dan aras tuntutan pemikiran kritis dalam kandungan Akidah Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 serta menilai potensi ilmu mantiq sebagai kerangka pelengkap untuk menyusun proses penaakulan dalam pengajaran Akidah Islamiah. Analisis memberi tumpuan kepada tuntutan kognitif dalam DSKP, kandungan dan aktiviti dalam buku teks, serta kesepadanan tuntutan tersebut dengan fungsi *tasawwur*, *tasdiq* dan *istidlal*.

Artikel ini tidak menguji keberkesanan pedagogi mantiq dalam bilik darjah; sebaliknya, ia membina justifikasi konseptual dan kurikulum yang boleh menjadi asas kepada kajian empirikal seterusnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dokumen. Reka bentuk ini sesuai untuk meneliti secara sistematik makna, pola, kategori dan tuntutan yang terkandung dalam teks serta membolehkan interpretasi dibuat berdasarkan unit analisis yang ditetapkan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Sumber utama kajian ialah Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 serta buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, dengan analisis dihadkan kepada bidang Akidah sahaja.

Literatur akademik tentang pemikiran kritis, Pendidikan Islam dan ilmu mantiq digunakan sebagai sumber sokongan interpretasi, bukan sebagai pengganti data dokumen. Unit analisis meliputi Standard Pembelajaran, Standard Prestasi, kandungan pelajaran,

bentuk aktiviti, kata kerja kognitif dan tuntutan penghujahan yang dinyatakan secara tekstual.

Analisis dilakukan dalam tiga langkah: (i) mengenal pasti tuntutan kognitif dalam DSKP; (ii) meneliti bagaimana tuntutan tersebut diterjemahkan dalam kandungan dan aktiviti buku teks; dan (iii) membandingkan dapatan tersebut dengan fungsi *tasawwur*, *tasdiq* dan *istidlal* untuk menilai kesepadanan konseptual. Penilaian ini tidak dianggap sebagai bukti keberkesanan mantiq dalam bilik darjah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tuntutan Pemikiran Kritis Dalam DSKP Dan Buku Teks Bidang Akidah

DSKP Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 meletakkan KBAT sebagai sebahagian daripada orientasi kurikulum dan menggunakan Standard Prestasi untuk menggambarkan perkembangan penguasaan murid. Oleh itu, analisis dalam bahagian ini menumpukan kepada bukti tekstual dalam bidang Akidah, khususnya kata kerja dan tuntutan kognitif yang menunjukkan pergerakan daripada pengetahuan dan kefahaman kepada aplikasi, analisis, penilaian dan perumusan (KPM, 2018).

Analisis dibuat secara langsung terhadap Standard Pembelajaran, Standard Prestasi serta kandungan dan aktiviti buku teks. Pendekatan ini penting supaya penentuan pemikiran kritis tidak dibuat melalui tanggapan umum tentang pengajaran Pendidikan Islam, tetapi berdasarkan perkara yang benar-benar dinyatakan dalam dokumen. Oleh sebab sumber kajian ialah dokumen, istilah "*tuntutan pemikiran kritis*" digunakan bagi membezakan dapatan ini daripada "*pelaksanaan pemikiran kritis*" dalam bilik darjah yang memerlukan data empirikal.

Bagi tujuan pengelasan, tuntutan kognitif dalam DSKP dibaca mengikut perkembangan kata kerja yang digunakan dalam Standard Prestasi seperti Jadual 1. Aras rendah merujuk kepada tuntutan menyatakan atau mengenal pasti; sederhana rendah kepada memahami, menerangkan atau menjelaskan; sederhana kepada mengaplikasikan; manakala aras tinggi merujuk kepada tuntutan menganalisis, menilai, merumus, menghubungkan atau menghuraikan pandangan. Pengelasan ini ialah rubrik analisis dokumen, bukan ukuran prestasi sebenar murid.

Jadual 1: Pengelasan Tuntutan Kognitif Dalam DSKP

Kategori aras kognitif	Kata kerja
Aras Rendah	Menyatakan • Menenal pasti
Sederhana Rendah	Memahami • Menerangkan • Menjelaskan
Sederhana	Mengaplikasikan
Aras Tinggi	Menganalisis • Menilai • Merumus • Mmenghubungkaitkan • Menghuraikan pandangan

Dengan asas tersebut, dapatan tidak digunakan untuk menyatakan bahawa sesuatu kelas atau guru telah mencapai tahap tertentu. Sebaliknya, rubrik berfungsi untuk menunjukkan aras tuntutan tertinggi yang tersedia dalam kandungan Akidah. Perbezaan ini penting kerana dokumen kurikulum menunjukkan peluang dan jangkaan pembelajaran, sedangkan kualiti pelaksanaan sebenar bergantung pada pedagogi, interaksi bilik darjah dan pentaksiran yang tidak dianalisis dalam kajian ini.

Analisis langsung terhadap bahagian Akidah dalam DSKP Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5 menunjukkan bahawa tuntutan pemikiran kritis dapat dikenal pasti melalui Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Bagi Tingkatan 4, kandungan Akidah menuntut murid merumus kefahaman tentang nama Allah SWT serta menghubungkannya dengan kehidupan, menerangkan perkara yang membatalkan iman termasuk kesan dan syarat terbatalnya iman, serta merumus cara menjauhi ajaran sesat.

Standard Prestasi bergerak daripada menyatakan dan memahami kepada mengaplikasi, menganalisis, menilai dan merumus. Corak yang sama terdapat dalam Akidah Tingkatan 5, termasuk tuntutan merumus bukti, menghubungkan kait kefahaman dengan kehidupan dan menghuraikan pandangan terhadap isu akidah. Bukti tekstual ini menunjukkan bahawa DSKP bidang Akidah menyediakan ruang kurikulum yang nyata untuk analisis, penilaian, penghuraian dan perumusan (KPM, 2018).

Analisis buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 mengukuhkan dapatan DSKP. Bidang Akidah merangkumi Pelajaran 10 hingga Pelajaran 12, iaitu nama Allah SWT al-Muntaqim dan al-Jabbar, perkara yang membatalkan iman serta hindari ajaran sesat (KPM, n.d). Aktiviti dalam bahagian ini tidak hanya meminta murid mengetahui maksud dan dalil, tetapi turut melibatkan pencarian maklumat, perbincangan situasi, penghubungkaitan konsep dengan kehidupan dan penghasilan rumusan atau hasil pembelajaran.

Ciri tersebut menunjukkan bahawa buku teks menyediakan ruang untuk murid bergerak daripada penguasaan fakta kepada penggunaan maklumat dan pertimbangan berasaskan kandungan Akidah. Dalam Pelajaran 11 berkaitan perkara yang membatalkan iman, kandungan disusun melalui kategori iktikad, perkataan dan perbuatan, diikuti syarat terbatal iman, kesan serta cara menjauhinya.

Susunan ini menyediakan bahan untuk aktiviti mengelas, membezakan dan menghubungkan kait kepercayaan dengan implikasi tindakan. Namun, artikel ini tidak menganggap struktur kandungan itu sendiri sebagai bukti bahawa murid telah melakukan penaakulan mendalam; ia hanya menunjukkan potensi kognitif yang boleh diaktifkan melalui pedagogi yang sesuai (KPM, n.d).

Bagi Tingkatan 5, bidang Akidah merangkumi Pelajaran 9 tentang nama Allah SWT al-Raqib dan al-Syahid serta Pelajaran 10 tentang Akidah Ahli Sunnah Waljamaah (KPM, n.d). Pelajaran 10 menyediakan bahan perbandingan melalui penerangan prinsip Ahli Sunnah Waljamaah dan beberapa aliran yang dibincangkan dalam buku teks. Aktiviti pembelajaran turut meminta murid mencari maklumat, membentangkan hasil, membandingkan kefahaman, menerangkan kepentingan berpegang dengan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan memberikan pandangan terhadap isu.

Tuntutan membandingkan, menghuraikan dan memberikan pandangan sepadan dengan indikator pemikiran kritis yang digunakan dalam analisis artikel. Triangulasi dokumen antara DSKP dan buku teks menunjukkan kewujudan ruang kognitif aras tinggi, tetapi tidak membuktikan keberkesanan pelaksanaannya dalam pengajaran sebenar.

Secara keseluruhannya, DSKP dan buku teks menunjukkan bahawa bidang Akidah telah mengandungi tuntutan memahami, menghubungkan, membandingkan, menganalisis, menilai, memberikan pandangan dan merumus. Dapatan ini penting kerana ia mengubah fokus perbincangan: isu yang hendak dijawab bukan sama ada pemikiran kritis wujud dalam kurikulum, tetapi bagaimana tuntutan tersebut boleh disusun sebagai proses penaakulan yang lebih eksplisit. Persoalan inilah yang menjadi asas kepada pemetaan fungsi ilmu mantiq dalam bahagian berikutnya.

Kesepadanan Tuntutan Pemikiran Kritis Dengan Fungsi Asas Ilmu Mantiq

Berdasarkan dapatan DSKP dan buku teks, tiga fungsi asas ilmu mantiq dipilih untuk analisis kesepadanan, iaitu *tasawwur*, *tasdiq* dan *istidlal*. Ketiga fungsi ini tidak dianggap sebagai elemen yang dinyatakan secara eksplisit dalam DSKP atau buku teks. Sebaliknya, ia digunakan sebagai kerangka interpretasi untuk melihat bagaimana tuntutan memahami konsep, menilai sesuatu pernyataan dan menghasilkan kesimpulan berasaskan dalil boleh disusun secara lebih sistematik (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2020; Nayif bin Nahar, 2016).

Tasawwur: Pembentukan Dan Ketepatan Konsep Akidah

Tasawwur merujuk kepada aras asas pembentukan gambaran atau kefahaman terhadap sesuatu konsep sebelum penetapan hukum terhadapnya. Fungsi ini mempunyai kesepadanan dengan kandungan Akidah yang terlebih dahulu memerlukan murid

memahami maksud, ciri, kategori dan prinsip sesuatu perkara sebelum diminta menghubungkait, membandingkan atau menilainya.

Dalam konteks artikel ini, tasawwur tidak dicadangkan sebagai kandungan tambahan yang perlu diajar secara teknikal, tetapi sebagai prinsip pedagogi: konsep perlu diperjelas terlebih dahulu supaya penilaian seterusnya tidak dibina atas istilah atau kategori yang kabur (Nayif bin Nahar, 2016).

Tasdiq: Penilaian Pernyataan Berasaskan Dalil

Tasdiq berkaitan dengan penetapan atau pengesahan sesuatu pernyataan sebagai benar atau salah. Kesepadanan dengan bidang Akidah dapat dilihat apabila murid diminta memahami dalil, menghuraikan pandangan, menilai implikasi kepercayaan dan memberikan pandangan terhadap isu.

Dalam kerangka pedagogi, fungsi tasdiq boleh membantu menjelaskan bahawa sesuatu penilaian perlu mempunyai asas, iaitu murid bukan sekadar menyatakan setuju atau tidak setuju, tetapi menghubungkan pendirian dengan dalil, konsep dan alasan yang relevan. Penggunaan tasdiq dalam artikel ini dengan demikian merujuk kepada disiplin penilaian kebenaran, bukan kepada kebebasan meragui prinsip akidah tanpa asas ilmu (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2020; Nayif bin Nahar, 2016).

Istidlal: Penyusunan Dalil, Alasan dan Kesimpulan

Istidlal merujuk kepada proses menggunakan dalil atau petunjuk untuk sampai kepada sesuatu kesimpulan. Fungsi ini paling berkaitan dengan tuntutan DSKP dan buku teks yang meminta murid menghuraikan, membandingkan, memberikan pandangan, dan merumuskan. Dari sudut pedagogi, *istidlal* boleh diterjemahkan sebagai urutan yang meminta murid mengenal pasti persoalan, memilih dalil atau maklumat yang relevan, menerangkan hubungan antara bukti dengan pendirian, dan menghasilkan kesimpulan yang selaras dengan premis.

Literatur tentang ilmu mantiq dalam pemikiran Islam menyokong peranan mantiq sebagai alat untuk menyusun pemikiran dan penghujahan secara sistematik (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2020). Pemetaan ini menunjukkan hubungan yang lebih terhad tetapi lebih defensibel antara mantiq dengan data dokumen: tasawwur sepadan dengan keperluan memperjelas konsep, tasdiq dengan penilaian sesuatu pernyataan berasaskan dalil, dan *istidlal* dengan penyusunan alasan menuju kesimpulan.

Hubungan tersebut ialah kesepadanan konseptual yang dibina melalui analisis, bukannya bukti bahawa istilah atau kaedah mantiq telah digunakan secara eksplisit dalam DSKP dan buku teks. Secara keseluruhannya, analisis DSKP dan buku teks menunjukkan tuntutan kognitif yang boleh dipetakan kepada tiga fungsi asas mantiq. Namun, dokumen tersebut tidak menghuraikan satu prosedur penaakulan mantiq yang khusus.

Perbezaan antara tuntutan hasil kognitif dengan kerangka proses berfikir ini menjadi asas untuk menilai potensi mantiq sebagai kerangka pelengkap, bukannya untuk mendakwa bahawa kurikulum sedia ada kekurangan pemikiran kritis. Bagi mengurangkan unsur subjektiviti dalam pengelasan aras tuntutan kognitif, analisis menggunakan indikator tekstual daripada kata kerja dan pernyataan dalam Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi bidang Akidah.

Aras rendah merujuk kepada menyatakan atau mengenal pasti; sederhana rendah kepada memahami, menerangkan atau menjelaskan; sederhana kepada mengaplikasikan; dan tinggi kepada menganalisis, menilai, merumus, menghubungkaitkan atau menghuraikan pandangan. Rubrik ini tidak menggunakan skor atau frekuensi kerana unit analisis ialah bukti tekstual dalam dokumen. Setiap unit dikategorikan berdasarkan tuntutan kognitif tertinggi yang dinyatakan secara eksplisit (KPM, 2018).

Jadual 2: Rubrik Pengelasan Aras Tuntutan Kognitif dalam DSKP Bidang Akidah

Aras tuntutan	Indikator kognitif	Kriteria analisis dokumen	Bukti tekstual
Tinggi	Menganalisis, menilai, merumus, menghubungkan, menghuraikan pandangan	Unit kandungan menuntut murid membuat pertimbangan, analisis, kesimpulan atau hubungan antara konsep/bukti dengan isu atau kehidupan.	Kata kerja dan pernyataan eksplisit dalam Standard Pembelajaran atau Standard Prestasi yang menunjukkan analisis, penilaian atau perumusan.
Sederhana	Mengaplikasikan	Unit kandungan menuntut murid menggunakan kefahaman atau pengetahuan akidah dalam situasi atau tindakan tertentu, tetapi belum menuntut penilaian atau perumusan.	Pernyataan Standard Prestasi yang menggunakan tuntutan aplikasi atau penggunaan kefahaman.
Sederhana rendah	Memahami, menerangkan, menjelaskan	Unit kandungan menuntut kefahaman dan penerangan konsep tanpa keperluan membuat analisis, penilaian atau kesimpulan.	Pernyataan yang meminta murid memahami, menerangkan atau menjelaskan konsep/perkara akidah.
Rendah	Menyatakan, mengenal pasti	Unit kandungan tertumpu pada pengetahuan atau fakta asas.	Pernyataan yang meminta murid menyatakan atau mengenal pasti perkara asas.

Berdasarkan rubrik dalam Jadual 2, bukti langsung daripada DSKP bidang Akidah menunjukkan bahawa tuntutan pemikiran kritis tidak ditentukan melalui tanggapan umum, tetapi melalui kata kerja dan pernyataan yang dapat dikenal pasti dalam dokumen. Bagi Tingkatan 4, Standard Prestasi bagi kandungan nama Allah SWT, perkara yang membatalkan iman dan ajaran sesat berkembang daripada menyatakan dan memahami kepada mengapikasi, menganalisis, menilai dan merumus.

Bagi Tingkatan 5, pola yang sama dapat dilihat pada kandungan nama Allah SWT dan akidah Ahli Sunnah Waljamaah, termasuk tuntutan merumus bukti, menghubungkan kaitkan kefahaman dengan kehidupan serta menghuraikan pandangan terhadap isu akidah. Oleh itu, kandungan yang mencapai tuntutan menganalisis, menilai atau merumus diklasifikasikan pada tahap tinggi berdasarkan rubrik analisis dokumen yang dinyatakan, bukannya berdasarkan penilaian subjektif penyelidik (KPM, 2018).

Analisis DSKP dan buku teks menunjukkan bahawa kurikulum Akidah telah menyediakan ruang yang nyata bagi kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh itu, isu utama yang dikenal pasti bukan ketiadaan pemikiran kritis dalam kurikulum, tetapi keperluan kepada kerangka yang dapat menyusun proses penaakulan secara lebih eksplisit. DSKP

menetapkan aras seperti menganalisis, menilai dan merumuskan, manakala buku teks menyediakan aktiviti perbandingan, pencarian maklumat, perbincangan dan pemberian pandangan.

Namun, berdasarkan dokumen yang dianalisis, langkah penaakulan yang menghubungkan pemahaman konsep, penilaian sesuatu dakwaan, penggunaan dalil dan pembentukan kesimpulan tidak dinyatakan sebagai satu kerangka mantiq yang khusus. Dapatan ini membuka ruang untuk menilai ilmu mantiq sebagai kerangka pelengkap kepada KBAT dalam pengajaran akidah, bukan sebagai pengganti kepada struktur kurikulum yang sedia ada.

Ilmu Mantiq Sebagai Kerangka Pelengkap Pemikiran Kritis Dalam Pengajaran Akidah

Dapatan analisis memperlihatkan kesepadanan antara tuntutan kurikulum Akidah dengan fungsi asas ilmu mantiq. DSKP dan buku teks menuntut proses yang melampaui ingatan fakta, antaranya menghubungkan kait, membandingkan, menganalisis, menilai, memberikan pandangan dan merumuskan. Namun, tuntutan tersebut lebih jelas menerangkan hasil yang perlu dicapai berbanding urutan penaakulan yang perlu dilalui.

Dalam konteks ini, mantiq mempunyai potensi sebagai kerangka pelengkap kerana disiplin tersebut membincangkan pembentukan konsep, penetapan kebenaran dan penyusunan dalil secara sistematik (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2020; Nayif bin Nahar, 2016). Pertama, tasawwur boleh berfungsi pada peringkat pembentukan dan pemurnian konsep.

Sebelum murid membandingkan atau menilai sesuatu pandangan akidah, mereka memerlukan kefahaman yang jelas terhadap istilah, kategori dan prinsip yang terlibat. Fungsi ini sepadan dengan urutan kandungan DSKP dan buku teks yang bermula dengan kefahaman sebelum bergerak kepada penghubung kait dan penilaian.

Kedua, tasdiq menyediakan asas untuk menyusun proses penilaian sesuatu pernyataan. Apabila murid diminta memberikan pandangan atau menilai implikasi sesuatu pegangan, proses tersebut boleh distrukturkan dengan meminta mereka menyatakan dakwaan, mengenal pasti dalil atau asas yang relevan, dan menerangkan sebab pendirian itu diterima. Dengan demikian, tasdiq memberi bentuk yang lebih eksplisit kepada tuntutan penilaian yang telah tersedia dalam kurikulum.

Ketiga, *istidlal* mempunyai hubungan langsung dengan tuntutan penghujahan dan perumusan. Murid boleh dibimbing untuk bergerak daripada persoalan kepada dalil atau maklumat, kemudian menerangkan hubungan antara bukti dengan pendirian sebelum menghasilkan kesimpulan. Urutan ini berpotensi membantu guru menterjemahkan kata kerja aras tinggi dalam DSKP kepada aktiviti penaakulan yang lebih tersusun dan berasaskan dalil (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat, 2020).

Berdasarkan hubungan tersebut, cadangan penggunaan ilmu mantiq dalam artikel ini tidak bermaksud bahawa DSKP atau buku teks kekurangan elemen pemikiran kritis. Sebaliknya, nilai tambah yang dicadangkan terletak pada fungsi mantiq sebagai kerangka proses: tasawwur untuk memperjelas konsep, tasdiq untuk menyusun penilaian sesuatu pernyataan, dan *istidlal* untuk menghubungkan dalil, alasan dan kesimpulan. Kerangka ini berpotensi membantu guru menjadikan proses di sebalik kata kerja aras tinggi lebih eksplisit tanpa menggantikan KBAT atau kandungan kurikulum sedia ada.

Oleh itu, dapatan artikel memberikan justifikasi konseptual dan kurikulum untuk meneroka integrasi ilmu mantiq sebagai kerangka pelengkap dalam pengajaran Akidah. Oleh sebab kajian ini berasaskan analisis dokumen dan literatur, kesimpulan tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai bukti bahawa pendekatan mantiq telah terbukti meningkatkan pemikiran kritis murid. Dakwaan keberkesanan memerlukan pembangunan modul, penilaian pakar dan kajian lapangan yang mengukur proses serta hasil pembelajaran.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa DSKP dan buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 bagi bidang Akidah telah menyediakan tuntutan pemikiran kritis melalui proses memahami, menghubungkan kait, membandingkan, menganalisis, menilai, memberikan pandangan dan merumus. Oleh itu, artikel ini tidak menyimpulkan bahawa kurikulum Akidah kekurangan KBAT.

Sebaliknya, analisis mengenal pasti ruang pada aras proses: dokumen yang dianalisis tidak menyatakan satu kerangka mantiq yang secara eksplisit menyusun perjalanan daripada pembentukan konsep kepada penilaian pernyataan dan seterusnya penghujahan berasaskan dalil. Berdasarkan kesepadanan konseptual, *tasawwur*, *tasdiq* dan *istidlal* berpotensi membentuk kerangka pelengkap bagi menjadikan proses tersebut lebih tersusun dan selari dengan tradisi intelektual Islam.

Cadangan ini tidak menggantikan KBAT, DSKP atau pedagogi sedia ada dan belum merupakan bukti keberkesanan bilik darjah. Kajian lanjutan perlu membangunkan model atau modul pengajaran akidah berasaskan mantiq dan mengujinya secara empirikal sebelum kesimpulan tentang keberkesanan dapat dibuat.

PENGAKUAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas tajaan pengajian yang telah diberikan. Penghargaan khusus turut ditujukan kepada penyelia utama dan penyelia bersama atas bimbingan, nasihat akademik dan sokongan berterusan dalam menjayakan penyelidikan serta penulisan artikel ini.

RUJUKAN

- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (Eds.). (2001). *A Taxonomy For Learning, Teaching, And Assessing: A Revision Of Bloom's Taxonomy Of Educational Objectives*. Longman.
- Dahari, A. A., Suhid, A., & Fakhrudin, F. (2019). *Implementation Of Critical Thinking In Teaching Islamic Education*. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 8(4), 805-823. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v8-i4/6756>
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan Dan Analisis Kajian (Edisi Ke-2)*. Penerbit Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.-a). *Buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 KSSM*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.-b). *Buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 5 KSSM*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah, Azizi Che Seman, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Faizuri Abd Latif, & Faridah Che Husin. (2007). *Penerapan Pemikiran Kritis Menerusi Silibus Pendidikan Islam, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian Di SMKA Negeri Melaka*. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 8(1), 207-240.
- Muhammad Rashidi Wahab, & Mohd Fauzi Hamat. (2020). *Kedudukan Ilmu Mantik Dalam Pemikiran Islam*. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 22(2), 1-42. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no2.1>
- Nayif bin Nahar. (2016). *Muqaddimah Fi 'Ilm Al-Mantiq*. Mu'assasah Wa'y li al-Dirasat wa al-Abhath.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.